

09/02/1997

Keruntuhan moral: Apakah puncanya?

A Nazri Abdullah

KITA menyambut kedatangan fajar satu Syawal dengan bertakbir memuji kebesaran Allah menandakan kejayaan kita menjalani ujian berpuasa selama sebulan. Hari ini kita merdeka daripada ujian menahan nafsu lapar, dahaga, nafsu mulut, mata dan telinga. Apakah kemerdekaan ini bermakna kita sudah berjaya menjalin hubungan terus di antara hati kita dengan Allah? Ataupun masih ada tuhan yang lain di antara hati kita dengan Allah? Syahadah kemerdekaan kita ialah "tiada tuhan melainkan Allah" dan selagi ada tuhan yang lain di antara hati kita dengan Allah, maka selagi itulah kita belum benar-benar merdeka.

Kita mengakhiri Ramadan al-Mubarak dengan satu isu penting yang menyentuh hati kecil semua umat Islam yang berfikir. Isu ini mungkin dipandang kecil dan ringan oleh sesetengah pihak, tetapi apabila Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri terpaksa menghadiri perjumpaan khas membincangkannya, maka masalah keruntuhan sosial umat Islam sudah menjadi satu isu besar yang perlu ditangani segera. Kerenah muda mudi berfoya dan berpeleseran melakukan pelbagai kemungkaran bukanlah perkara baru. Isu ini sering didedahkan di media massa tetapi keghairahan kita mengejar pembangunan fizikal menyebabkan kita lalai dalam pembangunan rohaniah.

Tentulah mengaibkan dan memalukan umat Islam apabila ratusan muda mudi Islam ditangkap di kelab-kelab malam pada bulan puasa. Kalau pada bulan yang mulia ini tidak terpancar sinar keinsafan di hati mereka, tentulah sukar untuk kita mengharap sinar keimanan tertanam di sanubari mereka. Walaupun bilangan mereka mungkin kecil dan tertumpu di kawasan bandar saja, gejalanya sudah cukup parah kerana kes-kes jenayah di kalangan mereka semakin meningkat. Kes peras ugut, mencabul kehormatan gadis sekolah, mencuri, bohsia, menghisap pil khayal, dadah dan sebagainya tidak menunjukkan penurunan.

Sebenarnya isu keruntuhan moral ini tidak terhad kepada golongan remaja saja kerana kes mendera anak, isteri dan membuang anak di bakul sampah adalah fenomena keruntuhan akhlak di kalangan dewasa. Kalau diambil kira kes penipuan, menindas, dan pelbagai kerenah haloba dan tamak kuasa dan harta yang berlaku di kalangan ahli politik dan perniagaan, maka kita boleh menyimpulkan bahawa isu keruntuhan moral umat Islam sebenarnya adalah isu yang menyeluruh.

Apakah akar umbi kerenah ini? Apakah punca sebenar keruntuhan moral umat Islam? Kita akur dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa keruntuhan moral umat Islam bukanlah disebabkan kemajuan kerana ketika umat Islam miskin, kerenah keruntuhan akhlak di kalangan muda mudi dan dewasa tetap wujud. Cuma ketika zaman susah, isu ini tidak dilihat penting kerana tuntutan sosial mengutamakan kemajuan ekonomi.

Bagaimanapun, kita terpaksa mengakui bahawa kemajuan kebendaan, teknologi maklumat, hiburan dan sebagainya turut membawa gejala keruntuhan moral. Kalau dulu kanak-kanak cuma tahu bermain congkak, layang-layang, gasing dan panjat pokok keriang, kini mereka didedahkan dengan permainan slot mesin, perlawanan kungfu dan peperangan ala CD Rom. Kalau dulu hampir seluruh kampung ada padang bola, gelanggang badminton dan sepak raga, kini kampung sudah bertukar pekan, pekan bertukar bandar yang turut membawa pelbagai jenis permainan dan hiburan moden. Kedai video dan cakera laser yang tidak ditapis wujud di mana-mana.

Ini semua sedikit sebanyak menyumbang kepada kegawatan muda mudi hari ini. Kalau dulu mereka cuma menghisap ganja bersembunyi di majlis-majlis

perkahwinan, kini pelbagai pil khayal moden boleh dihisap di kelab-kelab malam dan kelab karaoke yang berselerak di sana sini. Ini semua adalah hasil kemajuan kerana kemajuan bermakna rakyat mempunyai wang yang lebih untuk berhibur. Kata Ibnu Khaldun, keruntuhan moral umat Islam lebih ketara pada zaman maju dari zaman mundur. Kemajuan membuatkan umat Islam lalai dan alpa akan hubungannya dengan Yang Maha Esa lantaran itu ia memudahkan gejala keruntuhan moral berkembang sebagai budaya.

Kita belum terlewat untuk membendung gejala ini walaupun sesetengahnya sudah parah dan sukar diubati lagi. Kesedaran kerajaan mengenai parahnya gejala keruntuhan moral umat Islam sehingga Perdana Menteri, timbalannya dan beberapa menteri terpaksa bersidang di Pusat Islam di bulan Ramadan menandakan sesuatu tindakan yang drastik dan menyeluruh terpaksa diambil. Kita perlu mengkaji peranan seluruh institusi agama, pendidikan Islam dan institusi-institusi sosial sama ada kegiatan dan fungsi mereka sebagai pembina benteng ketahanan dalaman masih sesuai dengan keadaan semasa.

Tugas melahirkan generasi yang seimbang dan berakhlak mulia bukanlah tanggungjawab kerajaan, sekolah dan guru semata. Tugas ibu bapa adalah lebih penting untuk membentuk tingkah laku dan sikap anak-anak. Kesibukan ibu bapa mencari kekayaan barangkali menyebabkan mereka lalai memikul tanggungjawab mendidik anak-anak. Sementara kerajaan pula kerana terlalu sibuk membina infrastruktur ekonomi, terlupa membina infrastruktur sosial untuk remaja menghabiskan masa secara yang lebih bermanfaat. Selamat menyambut Aidilfitri dan maaf lahir batin.

(END)